

Kementerian tidak campur tangan isu kawalan harga produk optik

BH 16/7/03

PETALING JAYA: Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia tidak akan campur tangan dalam isu pengawalan harga produk cakera optik dan perisian komputer oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menterinya, Datuk Amar Leo Moggie, berkata apa juga pandangan yang dikemukakan pihak industri terbabit akan dipertimbangkan kementerian berkenaan, bukan kementeriannya.

“Sekiranya pihak industri perisian sudah menghantar atau menyuarakan pandangan mereka kepada KPDNHEE saya percaya kementerian berkenaan akan mengambil tindakan,” katanya mengulas keputusan KPDNHEP untuk mengawal harga produk cakera optik dan perisian komputer dalam usahanya menangani kegiatan cetak rompak yang baru-baru ini dibantah Amerika Syarikat.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sepatutnya kuasa besar dunia itu tidak bimbang, sebaliknya melihat dulu bagaimana Malaysia mengawal cetak rompak.

Sambil menganggap Amerika tidak memahami keadaan di Malaysia, beliau berkata, mengetatkan penguatkuasaan seperti yang dicadangkan kuasa besar itu bukan penyelesaian bagi masalah cetak rompak di negara ini.

Malah, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan wakil industri sendiri pernah mengakui harga perisian komputer mahal dan tidak munasabah.

Moggie berkata demikian selepas Majlis Pengumuman Penganjuran Kongres Dunia Mengenai Teknologi Maklumat (WCIT) 2008 oleh Malaysia di sini, semalam.

Malaysia menang dalam saingannya dengan Singapura dan India untuk menganjurkan WCIT 2008 selepas berjaya meyakinkan ahli pada persidangan agung Pertubuhan Industri Pengkom-

puteran Asia-Oceania (Asocio) di Nepal bulan lalu hasil kerjasama Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) dan Multimedia Development Corporation Bhd (MDC).

Sementara itu di **KUALA LUMPUR**, KPDNHEP memberi amaran bertulis dan tempoh seminggu kepada peniaga cakera optik dan perisian komputer yang masih gagal melekatkan label tulen pada bahan cakera optik.

Timbalan Ketua Penyelaras Operasi Bahagian Penguat Kuasanya, Mazlan Ismail, berkata amaran itu diberikan sebagai peringatan awal kepada peniaga sebelum tindakan tegas diambil.

Katanya, amaran dikeluarkan kerana bahagian penguat kuasa faham peniaga menghadapi masalah melekatkan label tulen (hologram) kerana mereka baru menerimanya daripada kementerian.

Namun, katanya, amaran dan tempoh itu hanya diberikan kepada peniaga yang baru membuat permohonan mendapatkan hologram serta mereka yang masih belum menerima label daripada kementerian.

“Peniaga yang sudah lama membuat permohonan dan sudah menerima pelekat itu tetapi masih belum melekatkan label hologram itu tidak akan terlepas daripada tindakan

“Mereka yang gagal melekatkan label tulen adalah menyalahi Peraturan Pelabelan mengikut Akta Perihal Dagangan 1972 dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya bagi perseorangan dan RM250,000 bagi syarikat.

“Bagi kesalahan kedua, individu boleh dikenakan denda maksimum RM250,000 manakala RM500,000 dikenakan kepada syarikat,” katanya selepas mengetuai operasi pemeriksaan label tulen di lebih 20 premis perniagaan tetap menjual CD, VCD dan DVD di Plaza Sungei Wang di sini, semalam.

Kira-kira 30 penguat kuasa daripada empat pasukan kementerian menjalankan pemeriksaan selama tiga jam itu.

Pada operasi itu, mereka merampas lebih 600 VCD cetak rompak.

Mazlan berkata, pemeriksaan itu bagi memastikan peniaga bahan cakera optik melekatkan label tulen pada CD, VCD dan DVD yang dijual oleh mereka.

Penggunaan label tulen diwajibkan bagi semua bahan cakera optik yang dikeluarkan di negara ini berkuat kuasa kelmarin bagi pengguna membezakan barang tulen dan tiruan.

Dalam perkembangan yang sama, Ketua Pengerah Penguat Kuasa kementerian itu, Abdullah Nawawi Mohamed berkata, bahagian penguat kuasa kementerian itu mula menjalankan operasi besar-besaran memeriksa label tulen pada bahan cakera optik dan perisian komputer.

Katanya, operasi itu juga dijalankan serentak di seluruh negara bagi mengesan kemungkinan premis tetap turut menjual dan mengedarkan barang cetak rompak.